

PERSETUJUAN PESERTA/PELAWAT

- Dengan mengunjungi/menyertai aktiviti _____ di premis Kumpulan Karang kraf, Seksyen 15, Shah Alam pada tarikh _____, Pelawat dan/atau Peserta bersetuju dengan Terma dan Syarat ini. Pelawat dan/atau Peserta yang dewasa (berumur 18 tahun dan ke atas) yang membawa kanak-kanak di bawah umur ke premis Kumpulan Karang kraf mengakui bahawa dia/mereka mempunyai kuasa untuk memberi persetujuan kepada Terma dan Syarat ini bagi pihak kanak-kanak bawah umur tersebut dan dengan ini menanggung rugi Syarikat terhadap sebarang tuntutan oleh kanak-kanak itu atau ibu bapanya atau penjaganya yang sah yang timbul sekiranya didapati bahawa representasi ini adalah palsu.
- Pelawat dan/atau Peserta hendaklah mematuhi peraturan program, arahan yang dikeluarkan oleh kakitangan Syarikat, pengumuman, siaran dan notis yang disiarkan semasa program berlangsung serta terma dan syarat, polisi dan peraturan lain yang mungkin dikeluarkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa berkenaan program
- Pelawat dan/atau Peserta di bawah umur 18 tahun mesti diiringi oleh ibu bapa atau penjaga yang sah dengan pengenalan diri bergambar yang sah.
- Pelawat dan/atau Peserta tidak dibenarkan mengambil bahagian, menyertai dan/atau memasuki sebarang Tarikan/Aktiviti sekiranya baru mengalami sebarang kemalangan atau kecederaan atau mempunyai masalah kesihatan seperti masalah jantung, tekanan darah tinggi, aneurisma, masalah leher atau tulang belakang.
- Dengan mengambil bahagian, menyertai dan/atau memasuki sebarang Tarikan/Aktiviti di (nama program) _____, Pelawat dan/atau Peserta bersetuju bahawa dia/mereka mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keselamatan dirinya/diri mereka sendiri. Semua Pelawat dan/atau Peserta dewasa yang menemani kanak-kanak di bawah umur hendaklah mengawasi kanak-kanak itu dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keselamatan kanak-kanak itu.
- Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kematian, kecederaan, kerosakan atau kerugian walau apa pun yang berlaku di Tarikan/Aktiviti dan sebarang kehilangan, kecurian, barang tersalah letak atau dicuri semasa program berlangsung.
- Pelawat dan/atau Peserta bersetuju untuk menanggung rugi Syarikat dan kakitangannya daripada dan terhadap sebarang dan semua kerosakan kepada harta benda, kecederaan, kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebarang liabiliti lain yang ditanggung atau dialami oleh Syarikat dan kakitangannya yang timbul, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang perbuatan, kelalaian atau kecuaiannya Pelawat dan/atau Peserta dalam mengambil bahagian, menyertai dan/atau memasuki sebarang Tarikan/Aktiviti semasa program berlangsung.
- Pelawat dan/atau Peserta memahami dan mengakui bahawa Syarikat berhak untuk menolak kemasukan atau menghendaki seseorang yang telah diterima masuk meninggalkan [Nama Lawatan/Karnival/Lokasi] tanpa pampasan, kerana kegagalan mematuhi mana-mana notis, arahan atau permintaan Syarikat demi memastikan keselamatan atau ketenteraman pengunjung-pengunjung lain atau jika Syarikat menganggap bahawa keadaan memerlukan.
- Terma & Syarat ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.

Saya/Kami bersetuju akan terikat dengan Terma dan Syarat ini dan saya/kami bersetuju bahawa Syarikat mempunyai hak untuk mengumpul, memproses dan/atau mengguna Data Peribadi saya selaras dengan Notis Data Peribadi Syarikat di www.karangkraf.com/my-karangkraf.

Nama:

No. K/P:

No. Telefon:

Organisasi/Pertubuhan (sekiranya relevan):